

10 OCT 2002

Mahathir-Pendidika/I

PERUBAHAN SISTEM PENDIDIKAN TINDAKAN PEMBETULAN, KATA MAHATHIR

PETALING JAYA, 10 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perubahan-perubahan yang dilakukan kepada sistem pendidikan merupakan tindakan pembetulan bagi mengelakkan kegagalan pada masa akan datang.

Perdana Menteri berkata beliau sendiri tidak gemar membuat perubahan itu tetapi ia tidak dapat dielakkan.

"Jika kita membiarkan begitu sahaja, maka kita akan gagal lagi," kata beliau semasa menjawab pertanyaan sesi dialog seminar "Belajar Dari Korea" di Pusat Konvensyen Sunway di sini hari ini.

Seorang peserta bertanya mengapa sistem pendidikan Malaysia telah melalui perubahan yang terlalu kerap dan beliau mahu kerajaan bersikap lebih tegas berkaitan struktur pendidikannya.

Dr Mahathir berkata kerajaan terpaksa melakukan perubahan terhadap sistem pendidikan yang menyentuh aspek yang tidak mendatangkan kejayaan.

Dr Mahathir berkata di Malaysia, terdapat terlalu banyak input bukan bercorak pendidikan yang daripada segi tertentu boleh memesongkan sistem itu.

"Umpamanya, sejak dari mula-mula lagi, kita seharusnya menyedari bahawa bahasa Inggeris sangat penting bagi banyak mata pelajaran terutamanya sains dan matematik.

"Tetapi oleh kerana semangat kebangsaan kita, kita telah memutuskan bahawa kita seharusnya mempunyai sistem pendidikan dalam Bahasa Malaysia sepenuhnya dengan harapan bahawa sekolah Inggeris, apabila diubah menjadi sekolah kebangsaan, akan menarik pelajar pelbagai kaum kepada sistem itu," katanya.

Malangnya matlamat itu tidak dapat dicapai kerana sesetengah kalangan berpendapat mereka seharusnya menggunakan sistem sekolah kebangsaan untuk memajukan suatu kaum dan dengan itu memberi penekanan untuk menjadikannya sebagai sistem sekolah Melayu, katanya.

Pada masa yang sama, mereka yang telah menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sistem sekolah Melayu juga hilang keyakinan terhadap sistem itu dan banyak orang Melayu lebih suka menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama.

"Ini sememangnya perlu dibetulkan. Itulah sebabnya kita perlu mengemukakan gagasan seperti Sekolah Wawasan dan sebagainya," kata beliau.

Kepada satu soalan mengenai peranan media dalam pembangunan negara, Perdana Menteri berkata media boleh memainkan peranan yang amat besar dengan syarat ia seimbang dan adil.

Media perlu mendedahkan apa yang salah dan pada masa yang sama mestilah juga menghargai apa yang betul, katanya.

Dr Mahathir berkata media boleh merangsangkan pertumbuhan ekonomi dan mendorong rakyat untuk melakukan segala yang betul, tetapi kadang-kala mereka lebih cenderung memberi tumpuan kepada isu yang berkontroversi kerana mahu melariskan jualan majalah atau ruangan iklan mereka.

"Apabila mereka menjadi berkepentingan diri seperti itu, maka mereka sudah tidak lebih daripada golongan yang mereka kritik itu.

"Kita mahu rakyat bersikap rasional dan adil untuk memastikan kejayaan bagi negara kita," katanya.

Perdana Menteri berkata media Malaysia adalah sama buruknya dengan media di banyak negara lain dengan memainkan peranan untuk merosakkan pemikiran masyarakat.

-- BERNAMA
AFY AHH NMO